

Sinar Harian 15/12/2019 m/s 37
40 penternak ikan rugi RM1 juta

PASIR PUTEH - Seramai 40 penternak ikan air payau di sini mengalami kerugian lebih RM1 juta ekoran pencemaran air di Laguna Seremak dekat sini sejak awal Januari sehingga November lalu.

Mereka mendakwa kerugian itu berpunca akibat tumpahan minyak dari bot-bot nelayan di kawasan berkenaan.

Pengerusi Persatuan Penternak Ikan Laguna Seremak, Budin Awang Teh, 50, berkata, situasi tersebut menyebabkan kandungan oksigen di kawasan itu berkurangan.

"Bila kandungan oksigen kurang ditambah pula dengan air tidak mengalir, ia akan memberikan kesan tidak baik kepada ikan-ikan yang kami bela.

"Memburukkan lagi keadaan, ikan-ikan yang kami bela ini turut diserang penyakit kudis," katanya.

Menurutnya, antara ikan yang mati ialah dari spesies kerapu hibrid, siakap, siakap merah dan bawal emas.



Penternak menunjukkan sebahagian ikan yang mati.

Katanya, dia sendiri mengalami kerugian RM50,000 apabila benih ikan miliknya mati.

"Saya merayu pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani agar mengambil tindakan segera dengan membuka semula Kuala Seremak yang tertimbus bagi laluan air laut keluar masuk untuk membersihkan air daripada sebarang bentuk pencemaran.

"Jika lambat bertindak

kemungkinan besar ramai yang akan 'gulung tikar' kerana tidak sanggup lagi mengalami kerugian berterusan," katanya.

Sementara itu, seorang penternak, Ong Eng Pu, 66, turut mengalami kerugian berjumlah RM135,000.

Katanya, ekoran masalah itu dia tidak dapat membekalkan ikan dengan sepenuhnya kepada pelanggan tetap di Pulau Pinang, Johor dan Kuala Lumpur.